

# SUMBANGAN DATO' HAJI ISMAIL YUSOFF (1915-1988) DALAM PERSURATAN ISLAM DI KELANTAN

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal Ab. Hamid \*

## Abstrak

*This is a biographical account of a famous Muslim scholar of Kelantan in the post-independent era, Dato' Ismail Yusof (1915-1988) the 11th Mufti of Kelantan. This research explains his contribution to the development of Islamic literature in Kelantan, especially when he was the head (chief editor) of Pengasuh for two years. In addition to contributing to Islamic literature, he was also an expert in Islamic education in Kelantan. He had written more than 30 books and 41 articles on various topics. The high quality of his writings are evidence of his expertise. He was considered a far-sighted scholar with a moderate view of khilāfiyyāt, yet was much firm with regards to the fundamental teachings of Islam.*

## PENDAHULUAN

Negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan pelbagai keistimewaan. Sejak zaman berzaman ia dikenali sebagai lubuk budaya Melayu, pusat pemancaran agama Islam dan tradisi keilmuan. Sejarahanya telah memperlihatkan tahap perkembangan politik, sosio-ekonomi dan wawasan kebudayaan yang unik dan menarik. Ia dilihat sebagai sebuah negeri yang mencerminkan sifat keMelayuan dan hal ini diakui bukan sahaja oleh masyarakat tempatan tetapi juga oleh sarjana antarabangsa.<sup>1</sup>

Suatu masa dahulu negeri ini telah melahirkan ramai tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam berbagai-bagai bidang terutama bidang agama, politik, pendidikan dan persuratan. Nama-nama seperti Tok Pulai Chondong (1792-1873), Tok Wan Ali Kutan (1820-1913), Tuan Tabal (1840-1890), Tok Kenali (1870-1933), Haji Wan Musa (1874-1939), Tok Selehor (1872-1935), Kadir Adabi (1901-1944), Dato' Asri

---

\* Faisal @ Ahmad Faisal Ab. Hamid, M.A. adalah pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Abd. Aziz Deraman (1991), "Dilema dan Cabaran Tamadun Kelantan", *Mastika*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, Oktober 1991, h. 15.

Haji Muda, Dato' Haji Mohammed bin Nasir, Dato' Yusof Zaky Ya'acob dan ramai lagi merupakan barisan tokoh yang tidak asing lagi kemasyhuran mereka di kalangan rakyat Kelantan dan Malaysia amnya.

Seawal tahun 1780-an lagi, Kelantan telah dikunjungi oleh para penuntut ilmu dari dalam dan luar Kelantan untuk belajar di institusi pengajian agamanya.<sup>2</sup> Dari institusi itulah lahirnya ramai ulama besar di Tanah Melayu dan Nusantara pada abad-abad yang lalu. Tokoh ulama Kelantan telah banyak memberi sumbangan dalam perkembangan dan pembangunan Islam di tanah air dan sumbangan mereka itu dapat dilihat sama ada dalam bentuk penglibatan mereka dalam gerakan kemerdekaan, pendidikan Islam, pembinaan masyarakat, politik dan yang lebih kekal ialah dalam bidang persuratan Islam. Hasil karya mereka masih menjadi teks rujukan wajib dalam bidang pengajian Islam, sama ada yang berlangsung di institusi pengajian pondok atau pengajian yang dikendalikan di masjid sebagai santapan rohani masyarakat Islam hingga kini.

### **PERKEMBANGAN PERSURATAN ISLAM DI KELANTAN**

Kelantan mempunyai sejarahnya yang tersendiri di bidang persuratan dan penerbitan. Sejarah perkembangan persuratan Islam di Kelantan amat jelas sekali sama ada dalam bentuk sastera kitab atau sastera kreatif. Perkembangannya amat subur di sekitar abad ke-19 dan 20.<sup>3</sup> Dari segi penerbitan pula, Kelantan di antara negeri-negeri di Tanah Melayu yang giat menerbitkan buku, majalah dan akhbar. Antara tahun 1918 hingga 1941, sebanyak 12 buah majalah, buku dan beberapa kitab agama yang menjadi teks pengajian di pelbagai institusi pengajian pondok telah diterbitkan di Kelantan. 11 buah majalah telah diterbitkan di Kota Bharu dan sebuah di Pasir Puteh.<sup>4</sup> Dalam huraian berikutnya, penulis akan menyorot secara ringkas penulisan kitab agama dan penerbitan majalah di negeri tersebut, sebelum menghuraikan sumbangan Dato' Haji Ismail dalam bidang persuratan Islam.

<sup>2</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", Khoo Kay Kim (ed.), *Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1.

<sup>3</sup> Abdul Razak Mahmud (2000), "Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Pattani Sehingga Awal Abad Ke-20", Kertas Kerja Untuk *Bengkel Penulisan Prosa Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, di Perdana Resort, Kelantan pada Julai 2000, h. 3.

<sup>4</sup> Alias Mohamad (t.t), *Inteligensia Melayu*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd., h. 46.

## PENULISAN KITAB AGAMA

Sekitar separuh kedua abad ke-19, terdapat 20 buah karya bercetak yang dihasilkan oleh ulama Kelantan. Antara tokoh yang paling menonjol di kalangan mereka ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani (Tuan Tabal) yang telah menghasilkan 8 buah kitab.<sup>5</sup> Selepas Tuan Tabal, nama besar yang mengarang kitab agama ialah Tok Wan Ali Kutan. Karya beliau masih terkenal dan dipakai sebagai teks pengajian di pusat pengajian pondok. Beliau telah menghasilkan 4 buah kitab, antaranya *al-Jawhar al-Mawhūb* dan *Lumah al-'Awrād*.<sup>6</sup> Selain daripada dua orang tokoh ini, terdapat nama lain yang muncul sezaman dengan mereka, antaranya Haji Abdul Rahman bin Wan Keling yang pernah menulis dua buah kitab iaitu *Majmū' al-'Urfān* dan *al-Rawdah al-Mahbūbah fi Fadīlah al-Ṣalāt al-Maktūbah*.<sup>7</sup>

Pada awal abad ke-20, muncul pula seorang ulama yang sangat aktif menulis dan menterjemah kitab-kitab agama. Beliau ialah Haji Umar bin Ismail Nuruddin Sungai Keladi yang merupakan rakan seperguruan dengan Tok Kenali semasa di Mekah. Setelah pulang dari Mekah beliau bertugas sebagai pegawai penterjemah di Pejabat Terjemah Kitab, Majlis Agama Islam Kelantan yang baru ditubuhkan pada tahun 1915. Selama bertugas di MAIK, beliau telah menghasilkan 9 buah kitab.<sup>8</sup>

Sehingga pertengahan abad ke-20, beberapa orang tokoh ulama yang menghasilkan kitab telah muncul di Kelantan. Antara mereka ialah Sheikh Muhammad bin Mohd. Saleh, Muhammad bin Ahmad al-Kelantani, Ibrahim bin Muhammad Yusuf dan lain-lain lagi.<sup>9</sup> Setelah kepulangan ramai anak Kelantan yang belajar di luar negara terutama di Mekah dan Universiti al-Azhar, kegiatan penulisan buku-buku agama berkembang dengan begitu pesat sekali. Perkembangan penulisan ini telah meluas dari bentuk penulisan kitab kepada penulisan yang lebih berbentuk semasa seperti majalah, akhbar dan risalah. Kegiatan ini didorong oleh semangat anti penjajahan dan

<sup>5</sup> Kitab karangan beliau ialah *Munabbih al-Ghāfilīn* (1868), *Jala' al-Qulūb bi Dhikri Allāh* (1870), *Kifāyah al-'Awām fi ma Yajibu 'Alayhim Min Umūr al-Islām* (1878), *Manḥah al-Qarīb* (1883), *Bidāyah Ta'līm al-'Awām* (1906), *Maniyyah Ahl al-Awbah* (t.t), *Bābun Harif* (1940), *Maniyah al-Murīd* (1926).

<sup>6</sup> Selain daripada dua buah kitab tersebut, terdapat dua buah kitab lain yang berjudul *Zahrah al-Murīd fi 'Aqīdah al-Tawḥīd* dan *Majmū' al-Qaṣā'id* dikarang oleh beliau. Kedua-dua kitab ini kurang terkenal berbanding dengan dua kitab yang disebutkan di atas.

<sup>7</sup> Abdul Razak Mahmud (2000), "Persuratan Islam di Kelantan, h. 3.

<sup>8</sup> *Ibid.* Buku-buku karangan beliau ialah *Jalan Sejahtera* (1917), *Jambangan Melayu* (1917), *Pengenal Kesucian* (1921), *Akd al-Falah* (1922), *Tadhkirah al-'Awām* (1923), *Pelajaran Membahagi Pesaka* (1923), *Miftāḥ al-Ta'ālīm* (1924), *Shams al-Fathiyyah* (1926), *Al-Dur Naqiy fi Ma'rifah Arqām al-Hindi* (1909).

<sup>9</sup> *Ibid.*

patriotisme Melayu yang begitu membara dalam diri mereka, khususnya untuk mencapai kemerdekaan di tanah air sendiri.

## PENERBITAN MAJALAH

Setelah percetakan mula dibawa masuk ke Tanah Melayu sekitar tahun 60-an dan wujudnya kesedaran tinggi di kalangan ulama bahawa penulisan memainkan peranan penting sebagai *mass media* untuk menyatupadukan umat Melayu, maka lahirlah gelombang baru dalam dakwah Islam di tanah air. Majalah Islam pertama iaitu *al-Imam* telah diterbitkan pada tahun 1906 oleh Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi. Selepas itu, lahirlah sebuah majalah tertua dan masih lagi diterbitkan hingga kini iaitu majalah *Pengasuh*. Dengan kelahiran *Pengasuh* sebagai medan dakwah baru, para ulama dan inteligensia Melayu mula menumpukan usaha mereka dalam bidang penulisan dan penerbitan. Negeri Kelantan telah menyaksikan terbitnya berbagai-bagai bentuk majalah dan surat khabar pada zaman sebelum dan selepas merdeka.

Sekitar awal abad ke-20 hingga tahun-tahun 40-an, kegiatan penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya. Ia bertitik tolak dari timbulnya kesedaran orang Melayu terhadap politik dan penerbitan sebagai media yang mustahak dalam kehidupan.<sup>10</sup> Majalah pertama iaitu *Pengasuh* telah diterbitkan pada 11hb. Julai 1918, kemudiannya disusuli oleh majalah-majalah berikut:

- *Al-Kitab* - Diterbitkan di Kota Bharu, pada bulan September 1920. Antara pengarangnya ialah Datuk Bentara Jaya dan Megat Othman. Majalah ini ditulis dengan tulisan jawi dan dicetak oleh percetakan MAIK. Penerbitannya hanya bertahan beberapa bulan sahaja.<sup>11</sup>
- *Al-Hidayah* - Diterbitkan di Kota Bharu pada bulan Jun 1923. Antara pengarangnya ialah Datuk Bentara Luar, Abdul Rahman Daud al-Makki al-Kelantani. Majalah ini ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan secara bulanan. Walau bagaimanapun, penerbitannya terhenti pada bukan Februari 1926.<sup>12</sup>
- *Terok* - Diterbitkan di Pasir Puteh pada 15hb. Mac 1927 oleh ahli-ahli Persekutuan New Club Pasir Puteh. Pengarangnya ialah Tenku Ismail Perkema bin

<sup>10</sup> Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. pertama, edisi kedua, h. 1.

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 15-16.

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 17

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Tenku Raja dan Mohd. Daud bin Haji Mohd. Salleh. Majalah ini juga ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan secara bulanan.<sup>13</sup>

- *Petra* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Okt. 1929 oleh Petra Club Kota Bharu. Pengarangnya ialah Abd. Kadir Adabi. Majalah ini ditulis dengan huruf jawi dan diterbitkan dwi-bulanan.<sup>14</sup>
- *Al-Kamaliah* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Jan. 1930 oleh percetakan al-Kamaliah. Antara barisan pengarangnya Haji Noh bin Ali, Omar bin Haji Taib dan Sheikh Ali bin Kassim.<sup>15</sup>
- *Kenchana* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan April 1930 oleh Siti Mariam Saa'di. Pengarangnya ialah As'ad Haji Muda. Majalah ini ditulis dengan tulisan jawi dan dicetak oleh Matba'ah al-Kamaliah, Kota Bharu. Pada peringkat awalnya, ia diterbitkan secara bulanan dan kemudiannya secara dwi-bulanan.<sup>16</sup>
- *Al-Hikmah* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. April 1934 di bawah pimpinan Haji Ahmad bin Ismail. Walau bagaimanapun, penerbitannya terhenti pada November 1941.<sup>17</sup>
- *Sinaran Kelantan* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan Jun 1938. Pengarangnya ialah Mohd. Yusof bin Salleh. Majalah ini juga ditulis dengan huruf jawi dan dikeluarkan dalam bentuk bulanan.<sup>18</sup>
- *Al-Riwayat* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Nov. 1938. Oleh al-Ma'arif Press, Kota Bharu di bawah pimpinan Haji Ishak Lutfi Omar. Majalah ini juga ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan secara dwi-bulanan. Ia mengandungi cerita, cerpen, ilmu pengetahuan serta keagamaan.<sup>19</sup>
- *Cherita Kelantan* - Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1941. Pengasasnya ialah Datuk Haji Nik Ahmad (Menteri Besar Kelantan).

Sekitar tahun 1941 hingga 1945, iaitu semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kegiatan penerbitan mengalami kemunduran. Banyak majalah dihentikan penerbitannya, termasuklah majalah *Pengasuh* kerana peperangan antara pihak Jepun dan tentera bersekutu berlaku dengan hebatnya. Setelah Jepun menyerah kalah pada

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 26.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 30.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 31.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 34.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 42.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 57.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 58.

14hb. Ogos 1945 dan kerajaan British menguasai semula Tanah Melayu, penerbitan akhbar dan majalah mula berkembang. Dalam dekad 50-an dan 60-an, kegiatan penulisan telah berkembang pesat di Kelantan. Pada masa itu majalah *Pengasuh* telah diterbitkan semula dan serentak dengan itu juga, beberapa majalah lain seperti majalah *Penyedar* dan *Dian* telah diterbitkan.

Majalah *Penyedar* diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada Julai 1946 di bawah pimpinan Datuk Asri Haji Muda, ianya ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan dalam bentuk dwi-bulanan. Majalah ini merupakan lidah rasmi Badan Penyiaran Jabatan Susila Persekutuan Tanah Melayu. Manakala majalah *Dian* pula telah diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 17hb. Julai 1961 oleh percetakan Dian, Pengarangnya ialah Dato' Yusoff Zaky Ya'acob (1961-1968) dan Drs. Abdul Rahman. Majalah ini ditulis dengan tulisan jawi dan mengandungi perkara ilmiah, keagamaan dan pengetahuan umum. Majalah *Dian* yang diterbitkan pada tahun 1961 dikatakan dapat menyaingi majalah *Pengasuh* dari segi isi kandungan dan jualannya. Setelah Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957, dunia penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya sehinggalah ke hari ini.

Walaupun berbagai-bagai majalah telah diterbitkan di Kelantan pada abad yang lalu, namun *Pengasuh* masih memainkan peranannya yang besar dalam perkembangan dan pembangunan Islam di Kelantan. Sehingga kini majalah *Pengasuh* masih lagi teguh menyumbang bakti kepada masyarakat Islam di tanah air dengan tulisan-tulisan bernas dan segar yang dihasilkan oleh para ulama dan intelgensia Melayu Kelantan.

## BIOGRAFI DATO' HAJI ISMAIL

Nama penuh beliau ialah Haji Ismail bin Haji Yusoff bin Mat Diah. Bagi masyarakat Kelantan beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Peti Haji Wea. Beliau dilahirkan pada tahun 1915 M / 1333 H di Kampung Gong Kemuning, Pasir Puteh, Kelantan.<sup>20</sup> Pada tahun kelahirannya dua peristiwa yang amat bersejarah dalam lipatan sejarah Kelantan telah berlaku. Pertama, penentangan penduduk Pasir Puteh terhadap sistem cukai British pada awal tahun tersebut yang dipimpin oleh Tok Janggut dan kedua, pada penghujung 1915 diisytiharkan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, di mana 50 tahun kemudian, beliau dilantik sebagai mufti di jabatan tersebut.

<sup>20</sup> Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *Biografi Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan Dari Tahun 1979 hingga 1988*, Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan, h. 99.

## Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Dato' Haji Ismail merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik seibu sebapa.<sup>21</sup> Ayahanda beliau Haji Yusoff bin Mat Diah merupakan seorang yang amat dikenali di kampungnya dan mempunyai pelbagai kebolehan seperti bertukang, membuat terompah, memiliki kemahiran kreatif dalam mengubah-suai barang-barang terpakai dan suka bercucuk tanam. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang bilal di surau Kampung Gong Kemuning, Pasir Puteh.<sup>22</sup>

Ibunya yang bernama Safiah binti Omar berasal dari kampung yang sama. Safiah adalah anak kepada seorang perantau dari Minangkabau yang datang ke Kelantan pada penghujung abad ke-19 bersama saudaranya Tok Kundur. Datuk beliau, Haji Omar pula merupakan seorang yang disegani dan dipandang mulia oleh masyarakat sekitar ketika itu.<sup>23</sup> Haji Ismail adalah anak kesayangan ibu bapanya kerana kepintaran dan akhlaknya yang mulia.

Ketika berusia 21 tahun, beliau telah menamatkan pengajian di pondok Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan. Setelah itu beliau dijodohkan dengan Hajjah Che Hawa binti Che Muhamad dari Kg. Sireh, Kota Bharu. Hasil dari perkahwinan itu beliau telah dianugerahkan tiga orang cahaya mata; seorang putera dan dua orang puteri. Anak sulungnya bernama Muhammad Hilmi, bekas guru besar sekolah kebangsaan. Anak keduanya bernama Paizah, Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, juga merupakan isteri kepada anak muridnya, Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, bekas Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Manakala anak bongsunya bernama Hasniah.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Masyarakat Islam di Kelantan pada era sebelum kemerdekaan lebih memberi tumpuan kepada pengajian Islam yang bersifat tradisional. Ukuran kealiman seseorang itu dilihat pada tempoh pengajian, nama guru-gurunya, dan kitab-kitab yang telah dipelajarinya semasa belajar di institusi pengajian pondok. Pada masa itu, kalangan penuntut ilmu yang berpeluang belajar di Mekah dianggap sebagai orang yang telah berjaya mencapai kemuncak dalam bidang Pengajian Islam.

---

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 99-100.

<sup>22</sup> Temuramah dengan Muhamad Sahimi bin Jusoh, adinda almarhum Dato' Haji Ismail berumur 53 tahun di rumah beliau di Kg. Cerang, Kota Bharu pada 1hb. Jun 2002.

<sup>23</sup> Abdul Razak Mahmud (1996), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", dalam Ismail Che Daud (ed.) *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 334.

Semenjak dari kecil lagi, Dato' Haji Ismail telah mendapat asuhan agama dari ayahnya yang merupakan seorang bilal kampung. Beliau diajar perkara asas agama dan membaca al-Quran hingga khatam. Ketika berusia sembilan tahun iaitu pada tahun 1924, beliau telah memasuki Sekolah Melayu Bukit Awang, Pasir Puteh hingga tamat darjah 3.<sup>24</sup> Semasa di sekolah tersebut beliau merupakan seorang murid yang maju dalam pelajarannya dan sentiasa mendapat hadiah setiap tahun kerana kemajuannya dalam pengajian. Beliau merupakan seorang murid yang disayangi oleh guru-gurunya. Oleh kerana kepintarannya dalam pelajaran, beliau telah ditawarkan untuk menyambung pelajaran di Sekolah Melayu Pasir Puteh.<sup>25</sup> Kepintaran dan kebolehannya itu telah dikesan oleh ayahnya semenjak dari kecil lagi dan sebagai seorang lebai, beliau mahu kepintaran anaknya disumbangkan untuk kepentingan agama Islam. Oleh sebab itu, ayahnya menghantar beliau ke pondok agar suatu masa nanti anaknya akan menjadi seorang ulama.

Setelah menamatkan pengajian di Sekolah Melayu Bukit Awang, beliau sering berulang alik ke rumah Haji Abdul Samad (suami emak saudaranya) untuk belajar membaca al-Quran untuk mengkhatamkan buat kali kedua. Seawal umur 13 tahun, beliau telah meninggalkan keluarga untuk belajar di pondok Tuan Guru Haji Muhamad bin Haji Umar, Gong Kemudu, Pasir Puteh.<sup>26</sup> Di sana beliau belajar beberapa mata pelajaran asas dalam silibus pengajian pondok seperti *Nahw Dammun Raf'un*, *Mukhtasar Jiddan*, *Mutammimah* dengan menghafal matan-matannya dan beberapa kitab jawi, antaranya kitab *Furū' al-Masā'il*.<sup>27</sup>

Pada tahun 1929, beliau telah merantau ke Kg. Kenali, Kubang Kerian untuk belajar di Pondok Tok Kenali. Beliau begitu tekun mengikuti halaqah pengajian di Pondok tersebut dan amat berminat untuk mempelajari segala ilmu yang dimiliki oleh gurunya. Pernah pada suatu ketika beliau tinggal di pondok, walaupun pada musim cuti kerana ingin mengikuti pengajian ilmu *'Arūd* dan *Qāfiyah* yang diajar oleh Tok kenali dua minggu sebelum bulan Ramadhan.<sup>28</sup>

<sup>24</sup> Peringkat pengajian sekolah rendah yang tertinggi dalam sistem pendidikan pada masa itu. Sekolah tersebut terletak lebih kurang 3 KM dari rumah beliau.

<sup>25</sup> Abdul Razak Mahmud (1988), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", *Pengasuh*, bil. 493, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 5.

<sup>26</sup> Iaitu abang kepada Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal. Beliau juga dikenali dengan nama Haji Ahmad Limbat atau Haji Mat Gutong. Meninggal dunia pada 21hb. Jun 1971 ketika berusia 83 tahun.

<sup>27</sup> Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *Biografi Tokoh Pendidikan*, h. 99.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 115.



Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Masjid Muhammadi dalam era sebelum merdeka merupakan sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang tertinggi di Kelantan. Kemuncak pengajian pondok di Kelantan akan berakhir di situ sebelum pelajar menyambung pengajian mereka ke Mekah. Dato' Haji Ismail telah berpindah ke Masjid Muhammadi untuk mengikuti pengajian di sana pada tahun 1930. Beliau telah dididik oleh tokoh-tokoh ulama yang terkenal pada masa itu seperti Tok Kenali,<sup>29</sup> Haji Wan Musa bin Haji Wan Abdul Samad, Haji Ahmad Manan (1884-1938), Haji Umar Nuruddin (1867-1946), Haji Saad Kangkung (1886-1943), Haji Yaakub Legor (1892-1971), Haji Ismail Pontianak (1876-1946), Haji Abdullah Tahir (1897-1961), Haji Ali Solahuddin Awang Pulau Pisang (1899-1968), Haji Ahmad Maher (1905-1968), Haji Yaakob Gajah Mati (1895-19578), Tuan Guru Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan Tuan Guru Haji Ahmad al-Hafiz.<sup>30</sup>

Beliau belajar di Masjid Muhammadi selama enam tahun iaitu dari 1930 hingga 1936. Sepanjang berpondok di sana, beliau mempelajari berbagai-bagai ilmu agama, bahasa Arab dan pengetahuan am. Pada tahun 1932, MAIK telah menyusun semula kurikulum pengajian dan sukatan pelajaran di Masjid Muhammadi supaya sistem pengajian yang dikendalikan di masjid tersebut menjadi lebih tersusun.

Dengan sistem pengajian baru, Dato' Haji Ismail telah mempelajari beberapa buah kitab muktabar dalam pelbagai bidang ilmu, antaranya ialah *Fath al-Qarib*, *al-Iqnā'*, *Fath al-Wahhāb*, *al-Muhalla*, *Fath al-Mu'in*, *Kifāyah al-'Awām*, *al-Bayjūrī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *al-Baydāwī*, *Qatr al-Nada*, *Shudhūr al-Dhahab*, *al-Asyhmūnī*, *Syadh al-'Urf*, *Syarh al-Sullam* dan *Idah al-Mubham*, *Misyhkāh al-Maṣābiḥ*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ al-Muslim* dan *Sunan Tarmidhī*, *Syarh al-Rahbiyyah*, *al-Ahkām* dan *Jam' al-Jawāmi'*, *Matn al-Bayquniyyah* dan *Syarh Nakhbah al-Fikr* dan dalam ilmu falak kitab *al-Rubu' al-Mujib*.<sup>31</sup>

Antara pelajar yang seangkatan dengannya di Halaqah Muhammadi ialah Haji Muhammad Noor But (1904-1994),<sup>32</sup> Haji Shuaib bin Haji Daud, Haji Muhammad bin Yusof dan Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Ali. Mereka kemudiannya berkhidmat sebagai guru di sekolah Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Haji Nik Abdul Rahman bin

<sup>29</sup> Tok Kenali telah berpindah dari pondoknya untuk mengajar di Masjid Muhammadi kerana menerima pelawaan rakannya Dato' Perdana Menteri.

<sup>30</sup> Abdul Razak Mahmud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", *Pengasuh*, bil. 490, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, 1987, h. 21.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 23-25.

<sup>32</sup> Nama penuhnya ialah Haji Muhammad Noor bin Haji Abdullah. Meninggal dunia pada tahun 1994 ketika berusia 90 tahun. Sekembalinya dari Mekah, beliau telah membuka pondok sendiri di Kampung Bot setelah beberapa tahun mengajar di pondok mertuanya, Haji Abdullah Tahir.

Nik Yaacob pula berkhidmat sebagai Imam Besar Masjid Muhammadi setelah pulang dari Mekah.<sup>33</sup>

Di samping mengikuti pengajian di Halaqah Muhammadi, Dato' Haji Ismail sentiasa berulang alik ke Kg. Sireh dengan berjalan kaki untuk mengikuti pengajian Hadith dengan Tok Khurasan. Antara kitab yang dipelajarinya ialah *Bidāyah al-Hidāyah*. Setelah hampir 10 tahun berpondok dan berguru dengan tokoh-tokoh ulama Kelantan, beliau merasakan pengajiannya tidak sempurna jika beliau tidak melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Lantaran itu, pada tahun 1937, ketika berusia 22 tahun, Dato' Haji Ismail bertolak ke Mekah bersama sahabat-sahabat seperguruannya di Halaqah Muhammadi. Di sana, beliau mendalami berbagai bidang ilmu Islam termasuklah ilmu Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan juga Tasawuf. Oleh kerana kemiskinan, beliau menetap di Mekah selama 10 tahun tanpa pulang bercuti menjenguk keluarga di tanah air.

Semasa belajar di Masjid al-Haram, beliau sempat berguru dengan beberapa orang ulama terkemuka seperti Syeikh 'Ali al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad al-Mashhat, Syed Amin al-Katabi, Syed Alwi Syed Abbas al-Maliki, Syeikh Muhammad al-'Arabi, Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Muhammad al-Khatib al-Melebari, Syeikh Ibrahim al-Fatani, Syeikh Sulaiman Ambon, Syeikh Hassan al-Yamani, Syeikh Haji Noh al-Kelantani dan Syeikh Husin al-Palembani.<sup>34</sup>

Di samping mengikuti halaqah pengajian di Masjid al-Haram beliau juga mengadakan majlis muzakarah dan mutalaah dengan rakan-rakan beliau mengenai beberapa buah kitab. Kesungguhan dan ketekunan yang telah beliau tunjukkan semasa belajar telah membuahkan hasilnya apabila beliau akhirnya dapat menguasai segala ilmu yang dipelajari. Setelah hampir 10 tahun berada di perantauan kerana menuntut ilmu, akhirnya beliau pulang ke tanah air untuk bertemu keluarga dan anak watan demi menabur jasa dan khidmat bakti serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat.

## PENGLIBATAN DALAM BIDANG KERJAYA

Dato' Haji Ismail memulakan kerjayanya sebagai guru agama setelah pulang ke tanah air pada tahun 1947. Beliau membuka institusi pengajian pondok di Kg. Sireh, Kota

<sup>33</sup> Temuramah dengan Ustaz Abdul Razak Mahmud, 55 tahun, Pegawai Penerbitan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada pukul 3.25 petang, pada 21hb November 2001 di pejabat beliau di Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu.

<sup>34</sup> Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit.*, h. 103 - 104.

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Bharu. Dua tahun kemudian beliau dilantik sebagai guru agama di Jamie' Merbau al-Isma'ili. Di samping mengajar di sekolah tersebut, beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Setelah berbakti selama 20 tahun dalam bidang pendidikan, beliau beralih mencurahkan khidmat bakti dalam bidang pentadbiran agama di Kelantan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai pegawai pentadbir agama dengan menjawat jawatan kadi Jajahan Kota Bharu pada 1hb. Mei 1969. Setelah itu, beliau bertukar ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri sebagai Setiausaha Mufti. Pada tahun 1979, beliau dilantik sebagai Timbalan Mufti setelah jawatan itu diwujudkan buat pertama kalinya. Setelah lapan tahun berkhidmat sebagai timbalan Dato' Mufti Haji Muhammad Noor, beliau telah dilantik oleh Baginda Sultan Ismail sebagai Mufti kerajaan negeri yang ke-10 pada 1hb April 1987 bagi menggantikan Dato' Haji Muhammad Noor yang telah meninggal dunia.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam pelbagai bidang yang diceburinya, terutama dalam bidang pentadbiran Islam di Kelantan, Dato' Haji Ismail telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (al-Ibrahimi) D.P.S.K yang membawa gelaran Dato' oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn al-Marhum Sultan Yahya Petra sempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda pada 31hb. Mac 1980 bersamaan 14hb. Jamadil Awwal 1400 H.<sup>35</sup>

Pada tahun 1987, Dato' Haji Ismail telah dianugerahkan pingat M.P.N (Majlis Penasihat Negeri) dan Pingat M.P.R (Majlis Penasihat Raja). Untuk mengenang jasanya dalam bidang pendidikan Islam di Kelantan pula, beliau telah dipilih sebagai Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada suatu majlis yang diadakan di SMU(A) Tumpat pada 18hb. Julai 1985. Anugerah tersebut disampaikan oleh Tan Sri Dato' Haji Muhamad bin Yaakub, Menteri Besar Kelantan pada ketika itu.

Pada bulan Jun 1988, Dato' Haji Ismail telah mengetuai satu rombongan Majlis Agama Islam Kelantan ke Mekah. Lawatan ke tanah suci tersebut telah mengganggu kesihatannya, dan setelah pulang ke tanah air, keadaan kesihatannya bertambah teruk dari hari ke hari selama dua minggu.<sup>36</sup> Pada hari Sabtu 9hb. Julai 1988, Dato' Haji

<sup>35</sup> *Senarai Kehormatan Istiadat Kemahkotaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn al-Marhum Sultan Yahya Petra tahun 1980*, Warta Kerajaan Negeri Kelantan, Mac 1980, h. 1.

<sup>36</sup> Temuramah dengan Datin Hajjah Che Hawa, isteri almarhum Dato' Haji Ismail di rumah beliau di Kampung Sireh, Kota Bharu pada 8hb. Mac 2002, pukul 5.00 petang.

Ismail telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di kediaman beliau di Kampung Sireh, Kota Bharu. Jenazah-almahrum selamat dikebumikan di perkuburan Paya<sup>37</sup> Kampung Sireh pada waktu petang hari yang sama. Ramai sahabat handai, para ulama, kerabat DiRaja dan masyarakat Islam sekitar datang memberi penghormatan terakhir kepada almarhum. Hampir 200 orang kaum muslimin mengiringi jenazah beliau ke tanah perkuburan.<sup>38</sup>

Dengan kematian almarhum Dato' Haji Ismail, negeri Kelantan telah kehilangan seorang lagi tokoh ilmuwan Islam berwibawa yang menjadi sumber rujukan masyarakat Islam. Pemergian beliau menambahkan jumlah tok-tok guru yang telah pergi sekaligus mengurangkan bilangan yang masih ada. Tidak syak lagi bahawa kehilangan tokoh ulama ini merupakan satu kehilangan yang sukar dicari ganti dan sangat dirasai oleh masyarakat Islam Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.<sup>39</sup>

### **SUMBANGAN DATO' HAJI ISMAIL DALAM BIDANG PERSURATAN ISLAM**

Almarhum Dato' Haji Ismail tergolong dari kalangan tokoh ulama tradisional Kelantan yang banyak menghasilkan buku-buku dan makalah agama. Walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian seperti mengajar di Jamie' Merbau al-Isma'ili dan Masjid Muhammadi serta tugas-tugas kemasyarakatan yang lain, beliau sempat menghasilkan 30 buah buku karya asli atau ditulis bersama penulis lain. Terdapat lebih daripada 49 buah artikel dan kertas kerja mengenai berbagai-bagai permasalahan yang ditulis oleh beliau. Ada di antaranya yang telah disiarkan dalam majalah *Pengasuh* dan lain-lain.

Dilihat dari latar belakang pendidikan dan cara hidup, beliau adalah seorang tok guru pondok tradisional. Sebaliknya jika ditinjau dari tulisan-tulisannya, ternyata beliau seorang ulama yang bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu agama, tetapi juga mempunyai pengetahuan yang luas mengenai persoalan dan perkembangan semasa. Beliau menulis dengan gaya baru yang menarik dan mudah difahami berbeza dari tulisan ulama yang sealiran dengannya.

---

<sup>37</sup> Pusara Dato' Haji Ismail terletak di kawasan Perkuburan Paya, Kampung Sireh di sebelah hilir Jalan Hamzah, Kota Bharu.

<sup>38</sup> Abdul Razak Mahmud (1988), *op.cit.*, h. 41.

<sup>39</sup> Abdul Razak Mahmud (1996), *op.cit.*, h. 343-344.

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Setelah dikumpul buku-buku dan artikel tulisan almarhum Dato' Haji Ismail, penulis merasakan bahawa beliau sememangnya seorang ulama yang menguasai hampir semua bidang ilmu Islam, merangkumi bidang Syariah, Usuluddin, Tasawuf, Akhlak, Hadith, Sejarah Islam dan Dakwah Islamiah serta persoalan semasa umat Islam. Berikut diterangkan secara terperinci hasil-hasil tulisan beliau.

### ● Buku Teks Sekolah dan Bahan Bacaan Umum

Almarhum Dato' Haji Ismail telah menghasilkan 21 buah buku teks untuk kegunaan sekolah agama dan sekolah kebangsaan di negeri Kelantan. Beliau menulis buku-buku tersebut dengan tujuan memudahkan para pelajar dan guru memahami matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah berkenaan.<sup>40</sup> Buku-buku tersebut ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi dan bahasa Arab yang merangkumi berbagai bidang ilmu seperti Akhlak, Tafsir, Hadith, Tauhid, *Mustalah al-Hadith*, Usul Fiqh, Mantik dan Sejarah Islam. Kebanyakan buku-buku tersebut dicetak dan diterbitkan di Kelantan.

Antara buku yang dimaksudkan ialah Asuhan Akhlak 1, 2 dan 3, Pelajaran Hadith Tahun 1 dan 2, Pelajaran Agama (al-Quran dan al-Hadith) Tahun 4 dan 5, Pelajaran Agama (Tauhid) Tahun 4 dan 5, Pelajaran Agama Islam Tahun 1 dan 2, Pelajaran Agama Islam Tahun 5 dan 6, Sejarah Islam Tingkatan 5, Pelajaran Rukun Iman, Pelajaran Tauhid Penggal Ketiga, Pengetahuan Islam Tingkatan 4, Pengetahuan Islam Tingkatan 5, Al-Qutub al-Daniyyah Syarh al-Manzumah al-Bayquniyyah (*Mustalah al-Hadith*), Risalah fi 'Ilm Usul al-Fiqh (Usul Fiqh) dan Qawa'id al-Mantiq (Ilmu Mantik).

Terdapat 9 buah buku karangan Dato' Haji Ismail yang dikategorikan sebagai buku bacaan umum. Walau bagaimana pun, penulis hanya dapat mengumpul 7 buah sahaja daripadanya. Kebanyakan buku-buku yang ditemui penulis tersimpan di rumah almarhum Dato' Haji Ismail di Kampung Sireh, Kota Bharu. Dengan ehsan isteri almarhum, Datin Che Hawa, penulis dapat membuat salinan dari buku-buku tersebut. Buku yang berjudul "Risalah Wahyu" dan "Benarkah al-Quran Kalam Allah" tidak dapat ditemui oleh penulis, tetapi ianya telah disenaraikan oleh Ustaz Muhammad Yunan sebagai sebahagian daripada tulisan beliau.<sup>41</sup> Senarai buku-buku tersebut ialah Panduan Mengerja Haji, Himpunan Fatwa 1, Muqaddimah Mustika Hadith, Mustika Hadith 1, Mencari Kebenaran, Falsafah Rukun Iman, Punca Perselisihan Ulama', Risalah Wahyu dan Benarkah al-Quran Kalam Allah.

<sup>40</sup> Haji Ismail bin Haji Yusoff (1960), *Pelajaran Hadith Tahun 1*, Kota Bharu: al-Matbaah al-'Ahliyyah, c. 1, h. 5.

<sup>41</sup> Muhammad Yunan bin Mahmood (1989), "Mufti Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff", *Riwayat Hidup Tokoh-Tokoh Ulama' Kelantan*, Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan, c. I, h. 173.

## ● Artikel Ilmiah

Setakat yang dapat dikumpulkan oleh penulis, terdapat 45 artikel yang ditulis oleh almarhum Dato' Haji Ismail dan diterbitkan dalam majalah *Pengasuh* semasa hidupnya. Penulis berkeyakinan masih terdapat banyak lagi artikel yang dihasilkan oleh beliau yang tidak dapat dikumpulkan penulis, sama ada yang pernah diterbitkan dalam majalah *Pengasuh* atau majalah dan akhbar lain. Keyakinan ini bersandarkan kepada maklumat yang diperolehi penulis hasil temuramah dengan Ustaz Muhammad Yunan dan Dato' Shukri bin Muhamad (Timbalan Mufti) kerajaan Kelantan. Kedua-dua mereka adalah merupakan anak murid Dato' Haji Ismail yang mengikuti perkembangan penulisan beliau semasa hayatnya.<sup>42</sup> Koleksi majalah *Pengasuh* yang terbaik boleh didapati di perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan.<sup>43</sup> Tulisan-tulisan beliau dalam majalah *Pengasuh* sudah cukup untuk memberi gambaran mengenai gagasan pemikiran Dato' Haji Ismail dan ketokohnya dalam bidang persuratan Islam.

Pada peringkat awal penulisan, iaitu sekitar tahun 50-an dan 60-an beliau menggunakan nama pena *Abi* dan *Abu Silmi* ketika menulis dalam *Pengasuh* sehinggalah pada tahun-tahun 70-an beliau menggunakan nama sebenar iaitu setelah mula berkhidmat dengan MAIK. Berdasarkan data-data yang diperolehi, penulis akan menyenaraikan tajuk-tajuk artikel beliau berdasarkan bidang-bidang seperti berikut:

### a. Syariah dan Perundangan

1. "Rukun Talak", *Pengasuh*, bil. 430, Febuari 1978.
2. "Lafaz Talak", *Pengasuh*, bil. 438, November 1978.
3. "Syarat Pada Yang Ditalak", *Pengasuh*, bil. 434, Jun 1978.
4. "Wali Mujbir", *Pengasuh*, bil. 416, Jun-Julai 1976.
5. "Mas Kahwin", *Pengasuh*, bil. 428, Disember 1977.
6. "Peranan Akad Dalam Perkahwinan: Nikah Cina Buta Bukanlah Nikah Yang Sebenar", *Pengasuh*, bil. 425, Ogos 1977.
7. "Izin Perempuan Diperlukan", *Pengasuh*, bil. 422, Mac-April 1977.

<sup>42</sup> Temuramah dengan Dato' Shukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan di pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Kompleks JAHEAIK, Lundang pada 2hb. Jun 2002.

<sup>43</sup> Temuramah dengan Encik Arifin bin Yusof, Pembantu Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri pada 18hb. Febuari 2002 di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri.

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

8. "Apakah Hukum Perkahwinan Dengan Orang Yang Ditukarkan Jantintanya Melalui Proses Pembedahan", *Pengasuh*, bil. 420, Disember 1976.
9. "Dua Saksi: Cara-cara Akad Nikah Lebih Tinggi Nilainya Dari Akad Jual Beli", *Pengasuh*, bil. 417, Ogos 1976.
10. "Wali Sultan: Bagaimana Hendak Mengahwini Seorang Perempuan Jika Walinya Di Dalam Penjara", *Pengasuh*, bil. 416, Jun-Julai 1976.
11. "Pepindahan Kuasa Wali", *Pengasuh*, bil. 414, April 1976.
12. "Gambar dan Menggambar", *Pengasuh*, bil. 246, Februari 1953.
13. "Konsep *Tahārah* Dalam Islam", *Pengasuh*, bil. 404, Mac 1975.
14. "Peminangan Bukan Jual Beli", *Pengasuh*, bil. 405, April 1975.
15. "Puasa dan Rahsianya", *Pengasuh*, bil. 284, April 1956.

**b. Akidah**

1. "Kenapakah Manusia Berhajatkan Kepada Rasul", *Pengasuh*, bil. 315, April 1959.
2. "Subud: Ugamakah atau Tidak?", *Pengasuh*, bil. 329, Jan-Feb. 1961.
3. "Hari Rabu Akhir Safar", *Pengasuh*, bil. 266, September 1954.
4. "Tuhan", *Pengasuh*, bil. 338, Oktober 1964.
5. "Islam", *Pengasuh*, bil. 340, Disember 1964.

**c. Dakwah Islamiah dan Persoalan Semasa**

1. "Rahsia Kemunduran Kita", *Pengasuh*, bil. 248, April 1953.
2. "Ke Arah Menyatukan Fahaman", *Pengasuh*, bil. 256, Disember 1953.
3. "Peristiwa Hudaibiah", *Pengasuh*, bil. 267, Oktober 1954.
4. "Hari Kemenangan Islam", *Pengasuh*, bil. 265, Ogos 1954.
5. "Berkorbanlah", *Pengasuh*, bil. 264, Julai 1954.
6. "Punca Kejayaan Yang Sebenar-benarnya", *Pengasuh*, bil. 260, April 1954.
7. "Kata Pasti Dikota", *Pengasuh*, bil. 259, Mac 1954.
8. "Islam dan Kerjasama", *Pengasuh*, bil. 257, Januari 1954.
9. "Islam dan Kristian", *Pengasuh*, bil. 247, Mac 1953.
10. "Islam dan Perhambaan", *Pengasuh*, bil. 248, April 1953.
11. "Islam dan Peri Kemanusiaan", *Pengasuh*, bil. 252, Ogos 1953.
12. "Islam Mengarahkan Keamanan Sejagat", *Pengasuh*, bil. 253, September 1953.

13. "Khutbah Idul Fitri", *Pengasuh*, bil. 418, September 1978.
14. "Sejarah Kaabah, Haji dan Hikmatnya", *Pengasuh*, bil. 287, Jun 1956.
15. "Sedikit Tentang Hadis *Mawdū*", *Pengasuh*, bil. 302, Disember 1959.
16. "Pelajaran Kaum Wanita", *Pengasuh*, bil. 166, September 1954.
17. "Untuk Panduan Mujahidin Islam", *Pengasuh*, bil. 286, September 1956.
18. "Sendi-sendi Pengajaran Islam", *Pengasuh*, bil. 290, September 1957.
19. "Peristiwa Tahun Hijrah", *Pengasuh*, bil. 294, Mei 1957.
20. "Universiti Islam Merupakan Kepentingan Bersama", *Pengasuh*, bil. 343, Mac 1965.

**d. Tasawuf dan Akhlak**

1. "Pembentukan Jiwa", *Pengasuh*, bil. 249, Mei 1953.
2. "Agama dan Nafsu", *Pengasuh*, bil. 273, April 1955.
3. "Pengertian Zahid Dalam Islam", *Pengasuh*, bil. 281, Disember 1955.
4. "Belajar Kenal Dengan Kebajikan dan Kedosaan", *Pengasuh*, bil. 277, Ogos 1955.
5. "Pengaruh Malu Kepada Manusia", *Pengasuh*, bil. 276, Julai 1955.

● **Kertas Kerja**

Sepanjang perkhidmatannya dengan MAIK, Dato' Haji Ismail telah menghasilkan puluhan kertas kerja. Menjadi kebiasaan beliau apabila menghadiri sesuatu majlis perbincangan yang dijemput, sama ada di atas nama beliau sendiri atau mewakili Dato' Mufti, beliau akan membawa bersamanya kertas kerja yang akan dibentangkan. Ketokohan beliau dalam bidang penulisan dan ketekunan melakukan penyelidikan menyebabkan Dato' Mufti Haji Muhammad Noor memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Dato' Haji Ismail untuk mewakili beliau dalam tugas-tugas rasmi.<sup>44</sup>

Setakat yang dapat dikumpulkan oleh penulis, terdapat sebanyak 4 kertas kerja yang ditulis oleh beliau. Kertas kerja pertamanya bertajuk "Kedudukan Anak Yatim Dalam Islam Dan Pembelaannya" telah dibentangkan dalam *Seminar Kebajikan Dan*

---

<sup>44</sup> Temuramah dengan Dato' Mohd. Shukri bin Muhammad, pada 2hb Julai 2002.



*Pendidikan Islam Kelantan* di Maahad Muhammadiyah pada 14-16hb. April 1971.<sup>45</sup> Dalam kertas ini, beliau menyarankan agar anak yatim seharusnya mendapat pembelaan dari masyarakat Islam kerana tanggungjawab ini bukanlah sekadar dengan memberi makan minum sahaja kepada mereka, tetapi meliputi seluruh usaha untuk memenuhi keperluan hidup mereka sesuai dengan keadaan dan zaman anak-anak yatim tersebut agar mereka juga akan menjadi manusia yang sempurna.<sup>46</sup>

Beliau menegaskan bahawa pengertian anak yatim itu tidaklah terhad kepada seseorang yang kematian ibu atau bapa, malah merangkumi anak-anak yang menjadi mangsa perceraian ibu bapa, sama ada mereka itu berharta atau tidak. Dalam menjaga harta anak yatim, beliau menegur sikap masyarakat yang menghabiskan harta anak yatim dengan cara membazir, antaranya dengan mengadakan kenduri kematian. Ini kerana harta yang dikeluarkan untuk kenduri itu seharusnya digunakan untuk perbelanjaan mereka.<sup>47</sup>

Pada tahun 1981, kerajaan telah memperkenalkan satu skim pemilikan saham untuk orang Melayu dan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi terutama perusahaan dan perdagangan bagi mempertingkatkan pegangan ekuiti dan pemilikan bumiputera, sekaligus meningkatkan taraf ekonomi mereka. Permodalan Nasional Berhad telah menubuhkan beberapa tabung bagi tujuan tersebut, antaranya Amanah Saham Nasional. Isu ini menjadi isu besar di kalangan masyarakat Islam Kelantan khususnya mengenai status hukum pelaburan dalam tabung amanah tersebut. Bagi mengatasi kekeliruan yang timbul, Dato' Haji Ismail telah menulis satu kertas kerja yang bertajuk "Fatwa Amanah Saham". Kertas Kerja ini telah dikemukakan kepada MAIK pada tahun 1984.

Pada pendapat Dato' Haji Ismail, tidaklah menjadi halangan untuk umat Islam melabur dalam Skim Amanah Saham. Keharusan itu disandarkan atas *darūrah iqtisādiyyah* umat Islam. Ini kerana keadaan ekonomi umat Islam di tanah air amat jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Beliau melihat usaha kerajaan untuk mengeluarkan umat Islam dari kemiskinan tidaklah bercanggah dengan nilai Islam. Walau bagaimana pun, pandangan yang dikemukakannya tidaklah bererti beliau menghalalkan pelaburan dalam syarikat yang menjalankan perniagaan yang berasaskan

<sup>45</sup> Haji Ismail bin Haji Yusoff (1971), "Kedudukan Anak Yatim Dalam Islam Dan Pembelaannya", *Pengasuh*, bil. 390, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1971, h. 7-11 dan 26.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 10-11.

<sup>47</sup> *Ibid.*

riba dan bercanggah dengan Islam.<sup>48</sup> Setelah mendapat maklum balas dari pelbagai pihak mengenai keharusan melabur dalam Skim Amanah Saham, akhirnya Dato' Haji Ismail dengan sikap terbuka dikatakan telah menarik balik pandangannya mengenai keharusan melabur dalam Skim Amanah Saham setelah mendapat tentangan dari para ulama dan masyarakat Islam di Kelantan.<sup>49</sup>

Pada 17hb hingga 19hb September 1985, kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan *Seminar Siasah Syar'iyah*. Dalam seminar tersebut Dato' Haji Ismail telah dijemput untuk membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Hubungan Hukum Syarak Dengan *Maṣāliḥ* Bani Insan".<sup>50</sup> Beliau menerangkan bahawa *maṣāliḥ* adalah hak asasi manusia yang semestinya dimiliki oleh setiap orang ketika menjalani kehidupan.<sup>51</sup> Manusia yang hidup di muka bumi ini mempunyai pelbagai kehendak dan keperluan, lantaran itu, bumi serta apa yang ada di dalamnya dijadikan oleh Allah SWT untuk kegunaan yang mendatangkan *maṣlahah* dan faedah kepada manusia.

Walaupun manusia pada hari ini telah banyak berubah dan maju ke hadapan berbanding dengan manusia yang hidup di zaman para rasul, namun mereka tetap seorang manusia yang tabiat dan keperluan mereka adalah sama, cuma yang berbeza adalah masa, cara dan suasana kehidupan sahaja. Oleh itu manusia juga perlu memikirkan keperluan hidup di akhirat selain daripada keperluan hidup di dunia. *Maṣāliḥ* itu terbahagi kepada dua, pertama *ḥaqīqī* dan yang kedua *majāzī*. Dalam pembinaan hukum Fiqh, *maṣāliḥ ḥaqīqīyyah* sahaja yang diterima kerana ia bersifat tetap. Walaupun dalam pelaksanaan *maṣāliḥ* itu terdapat *mafāsīd*, *mafāsīd* tersebut dianggap *maṣāliḥ majāzīyyah*.<sup>52</sup>

Di bahagian akhir kertas kerjanya, Dato' Haji Ismail membuat kesimpulan bahawa pengajaran Fiqh kepada masyarakat Islam haruslah menggunakan pendekatan yang bijaksana dari para ulama dan dengan mengambilkira pandangan mengenai *maṣāliḥ* dan *mafāsīd* bagi masyarakat. Ini kerana keperluan bangsa dan negara kita mungkin berbeza dengan bangsa dan masyarakat negara lain. Di samping itu, beliau juga menyarankan kepada kerajaan agar menjalankan pemerintahan negara berdasarkan konsep *maṣāliḥ* dan *tadrijīyyah* serta *taqḍīm al-'aham fa al-'aham*.

<sup>48</sup> Temuramah dengan Dato' Haji Mohd. Shukri bin Muhamad, pada 2hb. Julai 2002.

<sup>49</sup> Temuramah dengan Dato' Haji Hasbullah bin Haji Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan pada 5hb. Jun 2002 di pejabat beliau di Kompleks JAHAEIK, Lundang.

<sup>50</sup> Kertas ini telah disiarkan dalam majalah *Pengasuh* bil. 573, Jan-Mac 2002. h. 12-23.

<sup>51</sup> Haji Ismail bin Yusoff (2000), "Hubungan Hukum Syara' Dengan *Maṣāliḥ* Bani Insan", *Pengasuh*, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 573, Jan-Mac 2002, h. 12.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 15.

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan

Beliau jua pernah menulis kertas kerja bertajuk "Tarikat Naqsyabandiyah" dan kertas ini dibentangkan dalam *Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan* di Pusat Islam, pada 7hb - 8hb Disember 1987. Kertas ini memberi gambaran mengenai asal-usul tarekat tersebut serta amalan-amalannya dan salsilah syeikh tarekat Naqsyabandiyah sehinggalah kepada zaman Rasulullah s. 'a.w.

### SUMBANGAN SEBAGAI KETUA PENGARANG MAJALAH *PENGASUH*

Antara jasa Dato' Haji Ismail yang besar dalam bidang persuratan Islam di Kelantan ialah menjadi ketua pengarang majalah *Pengasuh*. Walaupun tempoh perkhidmatannya singkat, namun beliau berjaya membuat beberapa pembaharuan dalam penerbitan majalah tersebut serta melahirkan beberapa angkatan penulis muda untuk mengisi persada persuratan Islam di tanah air selepas beliau.

Dato' Haji Ismail mula dilantik sebagai Ketua Pengarang majalah *Pengasuh* pada bulan Oktober 1964 hingga November 1965 dan untuk beberapa waktu selepas itu, majalah *Pengasuh* telah terhenti penerbitannya. Semasa beliaulah, tempoh penerbitan yang paling pendek dalam sejarah penerbitan *Pengasuh* iaitu sebanyak 12 keluaran sahaja.<sup>53</sup> Keluaran pertama *Pengasuh* di bawah pimpinannya ialah bermula dari bilangan 339 keluaran bulan Rejab 1384 bersamaan November 1964. Beliau juga bertanggungjawab mencetak *Pengasuh* di Pustaka Aman Press tidak lagi di Percetakan MAIK seperti yang dilakukan oleh ketua pengarang sebelumnya.<sup>54</sup> Dua tahun kemudian, jawatan Ketua Pengarang disandang oleh Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris. Kedua-dua tokoh ini menyandang jawatan tersebut secara sambilan dengan dibayar elaun sebanyak RM200 bagi setiap keluaran.<sup>55</sup> Semasa menjadi Ketua Pengarang *Pengasuh*, Dato' Haji Ismail masih bertugas di Jamie' Merbau al-Isma'ili sebagai seorang guru di bahagian Thanawi.

Semasa Majalah *Pengasuh* berada di bawah pimpinan Dato' Haji Ismail, ia telah diterbitkan dalam bentuk baru sesuai dengan kebanyakan majalah agama dan ilmiah pada masa itu iaitu dengan bersaiz buku (18 cm panjang dan 13 cm lebar) dan setebal 118 halaman. Adalah dipercayai saiz ini digunakan bagi maksud menyaingi majalah *Dian*, terbitan Pustaka Dian Press yang amat popular pada dekad 60-an.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 38.

<sup>54</sup> Dr. Syed Othman bin Syed Omar (2001) "Sumbangan Majalah *Pengasuh* Kepada Masyarakat" (*Seminar Majalah Pengasuh*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur Kota Bharu, pada 12-13hb Jun 2001).

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Abdul Razak Mahmud (1993), *op.cit.*, h. 39.

Dengan pembaharuan tersebut, jualan *Pengasuh* dapat ditingkatkan berbanding dengan tahun sebelum dan selepasnya. Pada tahun 1965, *Pengasuh* telah dicetak sebanyak 6,000 naskhah dan dijual dengan harga 50 sen. Majalah ini juga diberi secara percuma kepada tokoh-tokoh ulama dan inteligensia Melayu termasuklah para anggota MAIK.<sup>57</sup> Kebanyakan tulisan yang disiarkan dalam *Pengasuh* pada waktu itu dihasilkan oleh para pelajar, sama ada dari Universiti Malaya, Kolej Islam dan Maahad Muhammadi sendiri. Terdapat juga dua orang guru Maahad Muhammadi yang menulis rencana-rencana bersiri dalam *Pengasuh* pada waktu itu, iaitu Wan Husin Azmi dan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Antara tajuk rencana dan ruangan dalam *Pengasuh* bil. 345, Jun 1965 ialah "Rencana Pengarang" oleh Ustaz Haji Ismail bin Yusoff, Tafsir Ayat Suci "Kesihatan Tubuh Badan Manusia" oleh Wan Hussin Azmi, Sudut Ilmu Jiwa "Percaya Kepada Diri Sendiri" oleh Ibrahim Haji Abdullah, Ruangan Berita mengenai kegiatan pelajar Maahad Muhammadi disiarkan dalam tajuk "Medan Pelajar", "Cabaran-cabaran Terhadap Alim Ulama Kita" oleh Muhammad Uthman El-Muhammadi, "Mengapa Saya Tak Masuk Kristian" oleh Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, "Ruangan Wanita" oleh Puteri Shamsinar, ruangan Guntingan Fikiran Pujangga yang ditulis oleh al-Imam Hassan al-Basri dengan tajuk "Akhlak Orang-orang Mukmin", "Peranan Wanita Dalam Masyarakat" oleh Aslama Azmi, ruangan Tokoh Islam dikendalikan oleh Ismail Awang dengan tajuk "Ibn Tufail", ruangan Puisi Islam dengan tajuk "Kejorang" dikelola oleh Muhaidi Yusmi.<sup>58</sup> Terdapat juga beberapa penulis jemputan yang menulis secara sambilan, antaranya Andang Teruna, Mokhtar Yaacob, Wan Mohamed Wan Yunus, A. Sabri, Abdullah al-Qari, Mokhtar Yaacob, S. Sharufuddin dan lain-lain.

Kata-kata hikmah dijadikan sebagai penghias majalah tersebut, antaranya kata-kata Imam al-Ghazali: "... gila hormat itu terlarang, tetapi menjadi orang yang terhormat dan mulia itu haruslah menjadi tujuan hidup kita ...".<sup>59</sup> Dalam majalah tersebut terdapat juga petikan kata-kata hikmah pada hal. 89 bertajuk "Masa Itu Besi", berbunyi:

*"Kalau tuan pun mengetahui tentang seorang lelaki yang telah hidup selama lapan tahun, ia telah menghabiskan empat tahun dari umurnya buat menanti kawannya, menunggu keretapi di stesen. Tiga tahun pula buat bergunting dan bercukur, mandi dan memakai baju. Maka tentu dengan senang tuan*

<sup>57</sup> Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *op.cit.*

<sup>58</sup> Haji Ismail bin Yusoff (ed.) (1965), *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 345, Jun 1965.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 95.

Sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff (1915-1988) Dalam Persuratan Islam di Kelantan akan sedar bahawa masa itu bukanlah seperti yang pernah dianggapkan oleh setengah-setengah orang ..."<sup>60</sup>

Tajuk-tajuk yang menjadi perbincangan Dato' Haji Ismail dalam ruangan Rencana Pengarang *Pengasuh* ialah mengenai persoalan semasa yang berkaitan dengan ulama dan sikap orang Melayu terhadap agama dan kehidupan mereka. Antara tajuk rencana pengarangnya ialah seperti berikut:

1. "Peranan Orang-orang Ugama Dalam Menghapuskan Khurafat", *Pengasuh*, bil. 344, Mei 1965.
2. "MAIK: Apakah Khidmatnya Kepada Adat Istiadat Melayu", *Pengasuh*, bil. 345, Jun 1965.
3. "Hukum-hukum Khilafiah dan Masyarakat Awam", *Pengasuh*, bil. 350, November 1965.
4. "Sempena Bulan Maulid An-Nabi s.a.w", *Pengasuh*, bil. 346, Julai 1965.
5. "Akibat Dari Buta Ugama", *Pengasuh*, bil. 347, Ogos 1965.
6. "Kesan Dakwah Ugama Di Zaman Kebendaan", *Pengasuh*, bil. 348, September 1965.
7. "Tok Pekong Diberi Nama Syeikh Abdullah", *Pengasuh*, bil. 349, Oktober 1965.

Dengan bebanan tugasnya sebagai guru di Maahad Muhammadi, Bahagian Tinggi dan ditambah dengan tugasnya sebagai pengajar di halaqat Masjid Muhammadi serta surau-surau sekitar Kota Bharu, tentunya Dato' Haji Ismail tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada *Pengasuh*. Faktor itulah yang dipercayai sebagai faktor yang menyebabkan majalah *Pengasuh* terhenti penerbitannya selepas diterbitkan sebanyak 12 keluaran iaitu di antara tahun 1964-1965. Almarhum berjasa besar terhadap *Pengasuh* dengan membuat perubahan besar pada corak persembahan dan isi kandungannya. Di samping itu, beliau juga telah melahirkan angkatan penulis muda melalui Badan Persuratan dan Kebudayaan<sup>61</sup> Maahad Muhammadi dengan menjadikan *Pengasuh* sebagai medan latihan para pelajarnya.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 89.

<sup>61</sup> Muhamad Yunan bin Mahmud (1988), *op.cit.*, h. 120.

## **KESIMPULAN**

Dato' Haji Ismail yang telah dilahirkan oleh institusi pengajian Islam tradisional di Kelantan, kendalian tokoh-tokoh ulama besar Kelantan seperti Tok Khurasan, Tok Kenali dan lain-lain telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang persuratan Islam di Kelantan. Sumbangannya boleh dilihat menerusi penulisan buku-buku teks sekolah untuk rujukan pengajian agama sekolah-sekolah di Kelantan, penulisan makalah ilmiah dalam bentuk kertas kerja, artikel-artikel yang diterbitkan oleh majalah *Pengasuh* dalam berbagai bidang pengajian Islam dan penglibatannya sebagai ketua Pengarang Majalah *Pengasuh* antara tahun 1964-1965. Semasa beliau memimpin majalah *Pengasuh*, beliau telah membuat beberapa pembaharuan, sama ada dari segi isi kandungan atau mutu persembahan majalah tersebut. Sumbangannya dalam bidang persuratan Islam di Kelantan cukup menyerlah berdasarkan penelitian terhadap karya-karya ilmiah yang dihasilkannya.